



IBU PEJABAT  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
NEGERI PERAK  
Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya  
30020 Ipoh, PERAK  
MALAYSIA



Telefon: 05-529 7444  
Faks: 05-526 5203  
Portal Rasmi: [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)  
Emel: [pgrsn-prk.bomba@1govuc.gov.my](mailto:pgrsn-prk.bomba@1govuc.gov.my)

Ruj kami : JBPM:PK/CPK/400-3/1Jld 3(34)  
Tarikh : 14 Januari 2024

Seperti Senarai Edaran

Tuan,

## PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PERIBADI BAGI TUJUAN PENGIRAAN POTONGAN CUKAI BULANAN

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia(JANM) Negeri Perak telah mengeluarkan arahan berkaitan pengemaskinian maklumat peribadi Pegawai bagi tujuan pengiraan Potongan Cukai Bulanan (PCB). Sehubungan dengan itu, Tuan diminta untuk membuat pengemaskinian dengan **mengisi borang seperti di Lampiran A** sekiranya terdapat **perubahan status pegawai** seperti berikut:

- a) Status perkahwinan, status anak dan tuntutan pelepasan individu kelainan upaya (rujuk Borang Pengemaskinian); dan
- b) tidak terhad untuk dikemaskini sekali sahaja dalam perkhidmatan tetapi ia perlu dikemaskini semula jika terdapat perubahan seperti anak pegawai yang telah mencapai 18 tahun dan menuntut di Institusi Pendidikan Tinggi

3. Untuk makluman Tuan, pengemaskinian maklumat peribadi ini boleh dibuat dari masa ke masa jika terdapat perubahan status pegawai seperti yang dinyatakan di atas. Borang ini boleh dihantar ke Cawangan Kewangan, Bahagian Pengurusan, JBPM Negeri Perak pada atau sebelum 29 Februari 2024 untuk tindakan Bahagian ini membuat pengemaskinian di dalam sistem Gaji. Sebarang pertanyaan Tuan boleh menghubungi Pn Siti Sara bt Saat di talian 05-5297444 samb 4003. Bersama-sama ini dikemukakan buletin pemakluman dari JANM Negeri Perak untuk perhatian dan tindakan Tuan.

Sekian terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**




**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON, PMP.,AMK.)

Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Negeri Perak

**'CEPAT DAN MESRA'**



## SENARAI EDARAN

TIMBALAN PENGARAH

PENOLONG PENGARAH OPERASI

PENOLONG PENGARAH KESELAMATAN KEBAKARAN

PENOLONG PENGARAH PENYIASATAN KEBAKARAN

PENOLONG PENGARAH PENGURUSAN

PENOLONG PENGARAH LATIHAN

PENOLONG PENGARAH KEJURUTERAAN

KETUA ZON 1 PERAK

KETUA ZON 2 PERAK

KETUA ZON 3 PERAK

KETUA ZON 4 PERAK

SEMUA KETUA BALAI

SEMUA PEGAWAI KANAN, ANGGOTA & PEGAWAI GUNASAMA

Ruj. Kami : ANM.PK.G.600-1/1/2 JLD.5 (30)

Tarikh : 11 Januari 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab,

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PERIBADI BAGI TUJUAN PENGIRAAN  
POTONGAN CUKAI BULANAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan sedia maklum, pengemaskinian maklumat peribadi perlu dilakukan bagi tujuan pengiraan Potongan Cukai Bulanan (PCB). Pengemaskinian boleh dilakukan dengan mengisi borang seperti di Lampiran A. Borang ini perlu dilengkapi oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk **perubahan status pegawai** seperti berikut:

- 2.1 Status perkahwinan, status anak dan tuntutan pelepasan individu kelainan upaya; dan
- 2.2 tidak terhad untuk dikemaskini sekali sahaja dalam perkhidmatan tetapi ia perlu dikemaskini semula jika terdapat perubahan seperti anak pegawai yang telah mencapai 18 tahun dan menuntut di Institusi Pendidikan Tinggi.

3. Sehubungan dengan itu, PTJ adalah diminta menyediakan Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) dan Borang Lampiran A yang telah dikemaskini oleh pegawai bagi tujuan dokumentasi dan pengauditan pada masa akan datang. Selain itu, PTJ juga perlu membuat tindakan input ke sistem iGFMAS : HCM di IT0198 – Schedular Deduction Tax (Sty 01). Sila rujuk Manual Latihan HCM-1002 bagi tindakan ini.

4. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dalam memastikan pemakluman ini dipanjangkan kepada semua pegawai di PTJ supaya maklumat peribadi untuk pengiraan potongan PCB pegawai adalah betul dan tepat. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Gaji Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BORANG MENGEMAS KINI MAKLUMAT PERIBADI BAGI TUJUAN  
PENGIRAAN POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

- 1 NAMA : \_\_\_\_\_
- 2 NO. GAJI : \_\_\_\_\_ Gred : \_\_\_\_\_
- 3 NO. KAD PENGENALAN : \_\_\_\_\_ Balai: \_\_\_\_\_
- 4 NO. CUKAI PENDAPATAN : \_\_\_\_\_
- 5 STATUS PERKAHWINAN \*

BUJANG  
KAHWIN DAN PASANGAN TIDAK BERKERJA  
KAHWIN DAN PASANGAN BEKERJA  
DUDA / JANDA / BALU  
BUJANG DENGAN ANAK ANGKAT

Tandakan 'X'

|                          |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |

## 6 ANAK

DI BAWAH 18 TAHUN

NORMAL

KURANG UPAYA

18 TAHUN DAN KEATAS

SIJIL / MATRIKULASI

DIPLOMA DALAM NEGARA

DIPLOMA LUAR NEGARA

IJAZAH DALAM NEGARA

IJAZAH LUAR NEGARA

KURANG UPAYA

KURANG UPAYA DI IPT

Bilangan Anak\*\*

100% 50%

|                          |                          |
|--------------------------|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

Untuk kegunaan  
Pusat Pembayaran  
Gaji

Kategori 1

Kategori 2

Kategori 3

Kategori 3

Kategori 3

1 Anak = 1 Tanggungan

1 Anak = 3 Tanggungan

1 Anak = 1 Tanggungan

1 Anak = 4 Tanggungan

1 Anak = 4 Tanggungan

1 Anak = 4 Tanggungan

1 Anak = 4 Tanggungan

1 Anak = 3 Tanggungan

1 Anak = 7 Tanggungan

Jumlah Tanggungan

100% 50%

|                          |                          |
|--------------------------|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
|--------------------------|--------------------------|

RM6,000

RM3,500

## 7 TUNTUTAN PELEPASAN

INDIVIDU YANG KURANG UPAYA

SUAMI/ ISTERI YANG KURANG UPAYA

Tandakan 'X'

|                          |
|--------------------------|
| <input type="checkbox"/> |
| <input type="checkbox"/> |

Saya mengaku maklumat yang diberikan adalah benar,

( )

Nota: \* Berdasarkan kepada Jadual PCB, pembayar cukai dibahagikan kepada 3 kategori:

Kategori 1: Bujang.

Kategori 2: Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja

Kategori 3: Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang dengan anak angkat

Jika isteri ATAU suami memilih untuk menuntut KESELURUHAN potongan anak, kategori PCB suami dan isteri ditentukan mengikut Kategori 3.

Jika seseorang pekerja yang telah bercerai, duda atau janda, Kategori 3 Jadual PCB adalah terpakai. Walau bagaimanapun sekiranya pekerja TIDAK mempunyai anak, Kategori 1 adalah terpakai.

Jika isteri/ suami, masing-masing memilih bilangan anak tertentu untuk menuntut potongan anak, PCB akan ditentukan mengikut Kategori 3.

Contoh: Pasangan suami isteri yang bekerja mempunyai 5 orang anak. Suami menuntut potongan bagi 3 orang anak dan isteri menuntut potongan bagi 2 orang anak. PCB ditentukan seperti berikut:

Suami : Kategori 3 &amp; bil. anak 3; Isteri : Kategori 3 &amp; bil. anak 2.

\*\* Peratus kelayakan tuntutan pelepasan anak

Kelayakan 100% - Bagi individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.

Kelayakan 50% - Di mana dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut separuh daripada pelepasan yang dibenarkan. Subseksyen 48(4)